

Perutusan Hari Raya Aidilfitri 1420 Hijrah / 2000 Masihi

Melalui Radio Dan Televisyen Malaysia, 7 Januari 2000

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana pada tahun ini kita umat Islam di Malaysia dapat bersama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan aman dan tenteram serta dengan kegembiraan. Ini adalah Hari Raya yang pertama yang kita rayakan dalam alaf baru Masihi. Alaf baru ini menjadi penting bagi kita umat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia kerana tanda-tanda menunjukkan ada percubaan yang akan diteruskan dan dibuat dalam abad dan alaf ini untuk memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru dalam bidang politik, ekonomi dan sosial kepada seluruh dunia yang tidak dapat tidak akan mempunyai kesan ke atas kita. Sama ada kesan itu buruk atau baik bergantung kepada kebolehan kita memahami apa yang diperkenalkan dan bagaimana kita akan menanganinya.

2. Perkembangan dalam sistem komunikasi dan sebaran maklumat, berita dan gambar 'still' serta bergerak, dalam 'real time' iaitu semasa ianya sedang berlaku tidak dapat tidak sedikit sebanyak akan mempengaruhi pemikiran kita, membentuk sikap kita dan mengubah nilai hidup dan budaya kita. Penguasaan media eletronik dan cetak antarabangsa oleh Barat bermakna pemikiran, ideologi dan nilai mereka akan tersebar luas. Berhadapan dengan serangan oleh jentera mereka, kita yang lemah mungkin tidak akan mampu mempertahankan dan mengekalkan nilai hidup dan budaya kita. Jika nilai- nilai hidup kita dapat diruntuhkan sehingga kita secara total atau separuh menganuti budaya dan nilai hidup Barat, sedikit sebanyak daripada kebebasan kita akan terhakis.

3. Pemikiran Barat yang sudahpun diserap masuk ke dalam budaya kita ialah konsep kebebasan atau 'freedom' mereka. Pada mulanya konsep 'freedom' ini memang baik. Sebagai bangsa yang dijajah dokongan 'freedom' oleh Barat membolehkan kita membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Tetapi sekarang kebebasan ini sudah diperluas dan ditekankan dalam semua aspek kehidupan supaya apa sahaja sekatan mesti dihapuskan. Manusia mesti dibenarkan membuat apa sahaja mengikut kehendak hati dan nafsu mereka.

4. Hari ini di Barat demi kebebasan tidak ada apa-apa sekatan lagi terhadap nafsu. Demikian seorang spekulator saham, Ivan Boesky, berkata 'Greed is great' iaitu 'tamak adalah mulia'. Kita tahu manusia yang tamak adalah manusia yang terkutuk kerana terlalu melayan nafsu tanpa mengambilkira kesan terhadap orang lain. Jika semua anggota masyarakat terdiri daripada orang yang tamak, sudah tentu masyarakat tidak akan aman kerana masing-masing akan merebut apa sahaja untuk dirinya. Dengan ini perkelahian dan rusuhan akan berlaku sepanjang masa. Masyarakat tidak akan menjadi aman dan tenteram.

5. Serangan yang dibuat ke atas negara-negara Asia Timur oleh penyangak matawang adalah contoh ketamakan manusia. Penyangak matawang tidak menghiraukan penderitaan berjuta orang yang menganggur, rusuhan dan pembunuhan, tergulingnya Kerajaan, kemiskinan dan kemerosotan ekonomi kerana mereka tamak dan hanya ingin melayan nafsu mereka, mendapat

kekayaan bagi diri mereka sahaja.

6. Ini adalah contoh kebebasan daripada nilai-nilai yang mulia yang dahulu dipercayai oleh masyarakat manusia di mana-mana sahaja. Ada banyak lagi contoh lain yang menunjukkan sikap keterlaluan yang disebabkan oleh kebebasan tanpa batasan. Apa perlunya pakaian yang tertib? Apa juga pakaian boleh dipakai walaupun menjolok mata. Berbogel juga boleh jika itu kehendak hati. Maka ramailah yang berbogel sebagai bukti hak dan kebebasan mereka.

7. Nafsu jangan dibendung kerana membendung nafsu bermakna menghalang kebebasan. Dalam masyarakat yang tertakluk kepada nilai-nilai moral yang tinggi, institusi perkahwinan dan kekeluargaan dijunjung tinggi. Tetapi di Barat sekarang institusi perkahwinan dianggap sebagai sekatan kepada kebebasan manusia. Justeru itu jika suka bersekedudukan lakukan sahaja sebagai bukti kebebasan daripada norma masyarakat. Tetapi bersekedudukan antara pasangan tertentu juga tidak mencerminkan kebebasan yang sepenuhnya. Dengan itu bermalam sahaja dengan sesiapa mengikut selera sewaktu. Pasangan yang percaya kepada kebebasan tidak harus cemburu dan marah kerana itu bermakna komitmen kepada kebebasan adalah terhad, dan ini menunjukkan masih ada pegangan kepada moral kuno masyarakat. Komitmen kepada kebebasan hendaklah menyeluruh tanpa apa-apa sekatan.

8. Tetapi kenapa harus dihadkan hubungan seks hanya antara wanita dan lelaki? Apa salahnya jika nafsu menuntutnya, hubungan diadakan antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan? Kebebasan tidak akan bermakna jika kehendak diri disekat oleh norma- norma masyarakat. Semua tahu memang pun ada manusia yang suka akan berkasih-kasih dan hubungan sesama sejenis. Oleh itu terimalah sahaja amalan homoseks. Dan kita lihat menteri-menteri di negara Barat yang tidak segan lagi mempamerkan pengamalan homoseks mereka. Dan masyarakat yang menjunjung kebebasan mestilah bersikap terbuka dan menganggap amalan homoseks ini sebagai perkara biasa. Maka terjadilah peristiwa menteri yang homoseks dijemput ke acara rasmi bersama dengan pasangannya daripada jenis yang sama.

9. Demikianlah keterlaluan yang berlaku kerana keterlaluan dalam mentafsirkan sesuatu. Pada mulanya kebebasan memang baik dan mulia, tetapi kerana menjunjung terlalu tinggi sesuatu kepercayaan atau konsep, yang baik sudah menjadi buruk, kotor dan jijik sehingga merosakkan masyarakat dan budayanya.

10. Kita mungkin berkata bahawa masyarakat kita yang beragama Islam sudah tentu tidak akan menerima kebebasan yang keterlaluan ini. Kita tentu percaya masyarakat Islam akan menolak amalan seperti homoseks, menolak orang yang mengamalkannya. Tetapi kita harus ingat bahawa kita begitu terdedah kepada serangan propaganda Barat melalui media elektronik dan cetak mereka, sehingga sedikit sebanyak akan termakan juga propaganda mereka; jika tidak pun seluruh masyarakat kita, akan ada juga antara kita yang akan terpengaruh dan tertarik serta menerima norma-norma baru dalam masyarakat Barat.

11. Hari ini hampir semua pemikiran dan pendekatan yang baru bermula di Barat

dan menular ke seluruh dunia termasuklah ke negara kita. Konsep Kerajaan yang demokratik, Kerajaan yang dipilih oleh majoriti juga dicipta di Barat. Logiknya ialah orang ramai tentulah akan memilih orang yang baik-baik belaka dan yang berjanji untuk berkhidmat untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Jadi demokrasi adalah untuk kebaikan kita.

12. Tetapi Barat sudah begitu taksud dengan demokrasi itu sendiri sebagai sistem politik sehingga yang penting bukan lagi kebaikan bagi negara dan rakyat, tetapi yang penting ialah pengamalan demokrasi secara yang semakin liberal. Kita lihat bagaimana demokrasi telah menghalang penubuhan Kerajaan yang berkesan kerana tidak ada parti yang memperolehi majoriti yang mencukupi; kita lihat bagaimana sogokan wang, penyalahgunaan agama, ugutan, tuntutan yang bukan-bukan oleh pengundi dan campur tangan orang asing telah menyebabkan politik menjadi tidak stabil dan pembangunan serta kemajuan tidak boleh dicapai, negara menjadi lemah dan dikuasai oleh orang asing -- semua ini kita lihat tetapi ini semua tidak mengapa kerana semuanya disebabkan oleh demokrasi. Yang penting ialah demokrasi, terutama demokrasi liberal mengikut tafsiran Barat dan bukan kebaikan untuk negara atau rakyat. Biarlah rakyat menderita, ekonomi negara merosot, kuasa asing menakluki negara asalkan demokrasi diamalkan. Barat sudah lupa bahawa sistem demokrasi dicipta kerana janjinya yang ia akan membawa kebaikan kepada rakyat. Tetapi hari ini kebaikan untuk rakyat tidak penting. Yang penting dan utama ialah demokrasi. Oleh itu amalkan sahaja demokrasi walau apapun malapetaka yang menimpa kita.

13. Sekarang diperkenalkan pula globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Globalisasi mengikut tafsiran Barat bermakna modal bebas melintasi semua sempadan; modal tidak boleh dikawal oleh sesiapa. Kononnya modal yang bebas pergi ke mana-mana akan membawa kekayaan dan kebahagiaan hidup kepada semua termasuk yang miskin. Justeru itu globalisasi mestilah disokong oleh semua terutama mereka yang miskin.

14. Tetapi kita telah lihat baru sahaja bagaimana modal yang bebas daripada negara yang kaya telah meruntuhkan ekonomi dan kewangan kita dan menjadikan kita miskin dan merana. Dimasa yang sama pemilik modal ini menjadi kaya raya. Dengan itu kita mempunyai sebab untuk mencurigai globalisasi dan kebebasan modal melintasi sempadan kita. Bagi kita yang penting tentulah kebahagiaan hidup kita. Jika globalisasi menjejaskan kebahagiaan hidup kita maka kita perlu menolak globalisasi.

15. Tetapi seperti juga dengan demokrasi liberal, globalisasi mesti diterima kerana ia dicipta oleh Barat dan dikatakan oleh mereka sebagai baik bagi kita. Walaupun kita nampak keburukannya, kita tidak boleh menolak globalisasi kerana globalisasi sudah diterima dunia seperti juga demokrasi. Walaupun ia tidak memperkayakan kita, walaupun kita sebenarnya menjadi miskin, kita tidak boleh menolak globalisasi kerana ia adalah globalisasi, sistem ekonomi untuk dunia yang sudah menjadi kecil kerana teknologi perhubungan moden.

16. Kenapakah pada Hari Raya ini kita harus bercakap berkenaan dengan

perkara-perkara yang begitu serius dan menekan? Bukankah Hari Raya adalah hari kita bergembira, bergembira dengan kejayaan kita melawan nafsu sepanjang satu bulan, bulan Ramadan?

17. Tetapi walaupun kita berhak bergembira, gembira kita bukanlah sehingga kita hilang akal. Kegembiraan pada Hari Raya adalah kegembiraan yang sederhana, kerana ia adalah kegembiraan beragama, kegembiraan orang yang berjaya membuat ibadat, ibadat puasa yang bertujuan menyemai perasaan insaf dan bertanggungjawab terhadap masyarakat di kalangan pengamal ibadat ini.

18. Sementara ramai yang berjaya benar-benar berpuasa daripada semua segi, ada juga yang sengaja melayani nafsu kerana sebab-sebab tertentu. Demikian kita dapati ada yang mencemarkan sembahyang berjemaah dan tarawih dengan membuat ucapan mengecam pihak tertentu dan melemparkan fitnah. Semasa sembahyang kita dikehendaki khusyuk dan kita menghormati jemaah dengan mengelak daripada mengganggu mereka semasa menyembah Tuhan dengan solat-solat khas semasa berpuasa. Tetapi dapatkah kita menumpukan kepada sembahyang jika kita diganggu dengan syarahan yang tidak ada kaitan dengan ibadat tetapi sebaliknya bertujuan membakar perasaan kebencian kita kepada pihak-pihak tertentu? Pemikiran kita terganggu sama ada kerana kemarahan terhadap pihak yang mengganggu atau jika terpengaruh dengannya, maka hati kita akan dipenuhi dengan perasaan marah yang amat sangat kepada yang dikecam oleh pensyarah. Dalam keadaan ini kita tidak dapat bersembahyang dengan khusyuk. Kita tidak mungkin dapat pahala daripada ibadat kita.

19. Kita juga dapati di masa-masa yang lampau ini ada pihak yang dengan sengaja dan kerana kepentingan tertentu menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan ajaran agama kita, agama Islam. Kita tahu umpamanya kita perlu bersyukur dengan tiap nikmat yang kita terima. Kesyukuran kita tidak bermakna bersyukur hanya kepada Tuhan tetapi juga berterima kasih kepada pihak yang menyampaikan nikmat. Malangnya hari ini kita diajar supaya hanya bersyukur kepada Tuhan dan tidak perlu berterima kasih kepada penyampai nikmat. Jika kita menerima ajaran ini maka kita mungkin tidak menghargai Rasulullah yang membawa wahyu Allah s.w.t. kepada kita. Apakah akan terjadi kepada agama kita, kepercayaan kita, akidah kita jika kita tidak menghargai dan menjunjung tinggi Rasul pembawa berita gembira?

20. Dalam kehidupan kita banyaklah nikmat yang kita terima yang tentunya berasal daripada Allah s.w.t. tetapi disampaikan oleh orang tertentu. Sehingga kini kita mengucapkan terima kasih kepada pihak yang menyampaikan nikmat, bahkan kita berasa terhutang budi kepadanya. Tetapi sekarang kita diajar supaya jangan berasa terhutang budi kepada pihak yang menyampaikan nikmat kepada kita kerana kononnya nikmat itu memang hak kita dan jika tidak pihak itu menyampaikannya, pihak lain akan menyampaikannya. Justeru itu apa perlunya kita berasa terhutang budi dan berterima kasih kepada pihak yang menyampai.

21. Perubahan makna kesyukuran ini mempunyai implikasi yang serius kepada masyarakat kita. Jika kita tidak menghargai dan berterima kasih kepada pihak yang menyampai sesuatu untuk kita maka sudah tentu tidak akan ada sesiapa

yang ingin menyampaikannya kepada kita. Jika kita gigit tangan yang menghulur hadiah, atau bantuan atau yang menyelamatkan kita, apakah akan ada sesiapa yang akan berusaha, kadang-kadang bersusah- payah menyampaikan apa-apa kepada kita. Tidak akan ada lagi tolong menolong dalam masyarakat orang Islam. Masing-masing akan menjaga hujung kain sendiri walaupun semasa kecemasan. Dengan ini tentulah masyarakat kita orang Islam akan hancur kerana masing-masing perlu menyelamatkan diri sendiri walaupun serangan dibuat kepada seluruh masyarakat.

22. Sikap ini bertentangan sama sekali dengan budaya kita yang dicerminkan melalui pantun yang kerap kita dengar dan memperdengar yang berbunyi:-
@@Pulau Pandan jauh ke tengah; @@Gunung Daik bercabang tiga;
@@Hancur badan di kandung tanah; @@Budi yang baik dikenang juga.

23. Sebab itu semasa kita bergembira dengan Hari Raya kita juga perlu merenung perkara-perkara seperti ini yang dibawa oleh pihak tertentu semata-mata kerana takut kesyukuran yang biasa kita rasai akan membawa kerugian kepada mereka.

24. Yang keduanya kita merayakan Hari Raya tahun ini dalam bulan pertama alaf baru. Seperti yang saya telah jelaskan alaf baru akan membawa banyak cabaran yang serius kepada kita di Malaysia dan orang Islam terutamanya. Serangan ke atas budaya kita tentulah akan berjaya jika kita tidak bersatu-padu dan bersatu hati dalam mempertahankan hak dan kebebasan kita.

25. Hari ini kita umat Islam di Malaysia berpecah dan amat lemah. Dalam keghairahan mengejar kuasa kita sanggup bersubahat dengan musuh-musuh kita dari luar dan kuncu-kuncu mereka dari dalam. Seperti di zaman dahulu apabila perebutan takhta diraja berlaku yang lemah meminta bantuan asing. Dan pihak asing mengenakan syarat kepada yang lemah ini yang akhirnya menyebabkan negara kita dijajah. Di zaman ini juga kita sudah mula melihat bagaimana pihak yang ingin merebut kuasa berbaik-baik dengan musuh negara untuk mendapat sokongan. Orang asing ini memberi sokongan tetapi tentulah kerana mereka percaya orang yang meminta sokongan daripada mereka akan membalas budi dengan memihak kepada mereka dan membenarkan mereka menguasai negara kita. Jika kita teliti sejarah pendek kegawatan ekonomi, kita akan dapat mengenali tanda- tanda dan kesan daripada keinginan pihak tertentu untuk disanjung dan dibantu oleh orang asing. Kita bernasib baik kerana kita sedar agak awal dengan apa yang sedang berlaku dan kita dapat menangkisnya.

26. Tetapi percubaan untuk menakluki kita akan dibuat lagi. Jika kita tidak faham apa yang sedang dilakukan dan kita terima dan percaya propaganda mereka, maka alaf baru boleh membawa bencana yang besar kepada kita dan negara kita.

27. Walau bagaimanapun kita boleh merayakan Hari Raya Aidilfitri ini dengan meriah dan gembira kerana kita bukan sahaja dapat membendung nafsu dan berpuasa secara menyeluruh, tetapi kita juga bersyukur kerana negara kita telah

dapat diselamatkan daripada serangan ke atas kewangan dan ekonomi kita oleh penyangak-penyangak asing. Hari ini kewangan dan ekonomi kita sudah dipulihkan. Rakyat tidak lagi berasa tertekan kerana mereka tidak boleh membeli barangan import seperti dahulu. Bagi pegawai Kerajaan, bonus dan kenaikan gaji telah dinikmati. Perniagaan kecil dan besar memberi keuntungan yang baik. Pusat membeli-belah dibanjiri pelanggan.

28. Lebih ramai daripada orang Islam Malaysia yang dapat mengerjakan ibadat umrah terutama di bulan Ramadan. Juadah, makanan dan pakaian untuk Hari Raya dapat dibeli oleh hampir semua. Kita menunggu dengan senang hati lawatan sanak saudara dan rumah kita terbuka untuk semua.

29. Hari Raya Aidilfitri tahun ini memang sepatutnya meriah. Dan kita bersyukur dengan ertikata yang sebenar. Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah s.w.t. Dan kita berdoa supaya negara kita terus aman dan menjadi lebih makmur. Dan kita berdoa juga supaya orang Islam di negara lain akan terlepas daripada diseksa, ditindas dan dibunuh. Setakat yang kita mampu akan kita hulurkan bantuan kepada mereka. Insya-Allah dengan usaha yang lebih gigih negara kita akan menjadi lebih kaya dan lebih ramai daripada kita yang akan mengeluarkan derma seperti yang kita lakukan kepada Kosovo.

30. Kita tidak lupa bahawa kita selamat dan aman kerana pasukan keselamatan kita rela berkorban dan menjalankan tugas mereka walaupun di Hari Raya. Saya, isteri dan keluarga serta seluruh rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada mereka. Di samping kita bersyukur kepada Tuhan kita tetap akan kenang dan hormati jasa pasukan keselamatan kita, iaitu polis, tentera, bomba dan pasukan-pasukan lain yang terlibat.

31. Akhir sekali saya, isteri dan anak-anak saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua umat Islam di Malaysia serta memohon maaf zahir dan batin. Saya berdoa kita semua akan dilindungi oleh Allah s.w.t. dalam tahun Hijrah 1420 yang bersamaan dengan tahun 2000 ini.